

29/01/1997

Hospital Mata Tun Hussein Onn perintis teleperubatan

HOSPITAL Mata Tun Hussein Onn menjadi perintis penggunaan teknologi teleperubatan sebagaimana disarankan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila ia menubuhkan sistem elektrodiagnosis.

Sistem yang dikenali sebagai "Electrodiagnostic Neurophysiological Automated Analysis (ENAA)" membolehkan pesakit mata didiagnosakan di hospital dan data diperolehi dan diperiksa oleh optalmologis di England.

Orang yang bertanggungjawab dengan sistem multimedia itu, Dr Demetrius Papakostopoulos dari Jabatan Elektrodiagnostik Hospital Mata Bristol, England, berkata dengan memulakan sistem ENAA, Hospital Mata Tun Hussein Onn sekarang dihubungi secara telematik dengan Hospital Mata Bristol.

"Sistem ENAA membolehkan penilaian fungsi visual dibuat dengan objektif, tepat dan tidak berbahaya dari mata hingga ke otak menggunakan maklumat komputer dan teknologi komunikasi," katanya.

Katanya, sistem itu direka untuk membolehkan pemeriksaan dibuat di lokasi yang jauh oleh pengendali bukan pakar.

"Maklumat pemeriksaan dipancarkan melalui rangkaian komunikasi ke Pusat Elektrodiagnostik Hospital Mata Bristol di mana ia dianalisis dan dikembalikan dalam beberapa minit, sekiranya perlu," kata beliau.

Dr Papakostopoulos, yang berada di sini untuk membantu memasang sistem dan melatih kakitangan hospital itu, berkata teknologi berkenaan mempunyai penggunaan luas dalam bidang neurosurgeri, endokrinologi, neurofisiologi dan Psikofisiologi.

Sistem itu boleh mendiagnosa dan meramalkan keadaan mereka yang menghidap penyakit jantung, glaukoma, multiple sclerosis, autisme dan kencing manis.

Menurutnya sistem itu telah terbukti baik dari segi kos oleh kerana pesakit tidak lagi perlu membuat perjalanan ke pusat kepakaran untuk rawatan.- Bernama

(END)